

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

11. Sektor perindustrian di kawasan FTZ Bayan Baru ribuan pekerja. Permasalahan utama ialah keadaan trafik sesak . Bagaimanakah ketegasan usaha mengesyorkan kemudahan dan kewajipan menggunakan bas kilang daripada penggunaan kenderaan perseorangan?
- a) Huraikan syor Kerajaan Negeri penampaikan infrastruktur jalan di bulatan Bayan Baru dalam Rancangan Malaysia ke 11.

JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI

11. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang termasuk di Kawasan *Free Trade Zone* (FTZ) Bayan Lepas. Kerajaan Negeri tidak mewajibkan kepada kilang-kilang untuk menggunakan perkhidmatan bas kilang bagi mengangkut para pekerja ke Kawasan FTZ tetapi sentiasa menyokong penggunaan bas kilang sebagai satu usaha *car pool* untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak.

Untuk itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di Kawasan FTZ iaitu:

- (i) Melaksanakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit*

(*BEST*) FTZ khusus untuk pekerja-pekerja di Kawasan FTZ dengan kenaan caj nominal sebanyak RM60.00 sebulan. Perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 2012 dan dianggarkan kira-kira 450-500 orang penumpang sehari menggunakan perkhidmatan ini;

- (ii) Menggalakkan penggunaan basikal sebagai pengangkutan alternatif yang mesra alam dan baik untuk kesihatan. Lorong-lorong basikal sama ada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor telah disediakan dan sedang diperluaskan di kawasan persisiran pantai timur pulau dari George Town ke Bayan Lepas termasuk laluan-laluan hubungan ke Zon-zon Perindustrian;
 - (iii) Melaksanakan perkhidmatan perkongsian basikal *Link Bike (bike sharing)*. Stesen-stesen untuk perkongsian basikal (*Link Bike*) telah disediakan di kawasan Queensbay dan Kilang Intel (FIZ 3) untuk menggalakkan penggunaan basikal bagi perjalanan jarak dekat. Kemudahan pengangkutan alternatif ini telah sedikit sebanyak membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan FIZ dan sedang bertambah popular di kalangan pekerja kilang; dan
 - (iv) Melancarkan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport (CAT)* Bayan Lepas. Perkhidmatan Bas Percuma ini telah dilancarkan pada 16 Julai 2018. Perkhidmatan ini dapat megalakkan penggunaan pengangkutan awam dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Bayan Baru dan kawasan sekitarnya.
- (a) Buat masa ini tiada penambahbaikan infrastruktur jalan di bulatan Bayan Baru yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Walau bagaimanapun, bagi menambah baik infrastruktur jalan di bulatan Bayan Baru, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mensyaratkan satu pemajuan di Bayan Baru untuk menaiktaraf persimpangan Bulatan Bayan Baru dengan membina jalan bawah (*underpass*) bagi menghubungkan Lebuhraya Sungai Nibong ke Jalan Tun Dr.

Awang. Selain itu, MBPP juga akan menaik taraf Jalan Sultan Azlan Shah dari persimpangan Lebuhraya Kampung Jawa ke jalan ban di tepi Sungai Kluang serta melebarkan jalan ban bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.